

18 JUN 2003

Umno-Rangkuman

ISU PENGUNDURAN DR MAHATHIR BAYANGI PERSIDANGAN UMNO

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Seperti yang telah dijangkakan sejak awal lagi, isu pengunduran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno Oktober depan jelas menjadi salah satu bahan bicara utama dalam ucapan dan perbahasan pada persidangan sehari Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno di sini hari ini.

Walaupun aspek pendidikan, ekonomi dan agama yang menjadi wadah perjuangan Umno terus menjadi teras ucapan dasar ketua ketiga-tiga pergerakan itu serta pembahas-pembahasnya, isu peralihan kuasa itu telah disentuh secara panjang lebar, dengan kadangkala dalam suasana penuh emosi.

Ia mungkin sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana dewan persidangan adalah pentas terbaik bagi mereka memmanifestasikan kecintaan dan kasih sayang tulus kepada Dr Mahathir setelah lebih 20 tahun berada di bawah naungan kepimpinan beliau yang gilang gemilang.

Dalam ucapan dasarnya, Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Hishamuddin Tun Hussein berkata, walaupun ia sesuatu yang menyedihkan, hasrat Dr Mahathir untuk berundur harus dilihat sebagai suatu kesinambungan tradisi dan keunikan amalan parti yang telah menyumbang terhadap kegemilangan dan kecemerlangan negara selama ini.

Menurutnya, Dr Mahathir adalah seorang pemimpin agung yang "ke mana pergi orang menyanjung, besarnya tidak membawa sombong, mulianya tidak meminta sanjung".

Beliau yakin Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dinamakan oleh Dr Mahathir sebagai penggantinya, mampu mengisi dan memelihara kepentingan parti dan negara.

Ketua Pergerakan Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz pula menggesa anggota parti agar memberi sokongan kepada Abdullah tanpa berbelah bagi seperti yang diberi kepada Dr Mahathir selama ini.

Menurutnya, jasa Dr Mahathir kepada agama, bangsa dan negara tidak ternilai. Justeru itu kemakmuran dan keamanan yang tercapai hasil usaha yang diterajui Dr Mahathir mestilah dijaga dan dipelihara dengan baik.

Katanya, peralihan kuasa itu perlu berjalan lancar supaya parti terus kukuh bagi merealisasikan semua visi yang diasaskan oleh Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin parti yang terdahulu.

Ketua Pergerakan Puteri Azalina Othman Said pula menyifatkan Dr Mahathir sebagai "pemimpin yang hanya ada satu dalam sejuta".

"Kepada Pergerakan Puteri, Dr Mahathir adalah sumber inspirasi - sebagai seorang ayah yang sabar, penyayang dan tidak jemu memberi bimbingan serta dorongan. Beliau tidak pernah memberikan kurang daripada yang terbaik demi Umno dan negara," ujar beliau.

Menyentuh tentang keyakinannya terhadap kepimpinan Abdullah, Azalina berkata; "Wajah Pak Lah yang sentiasa menguntum senyum itu sebenarnya mempunyai bukan sahaja kekuatan dalaman yang luar biasa tetapi juga pengalaman yang amat luas."

Curahan rasa hati itu turut dikongsi oleh hampir semua perwakilan yang menyertai perbahasan ke atas ucapan dasar ketua ketiga-tiga pergerakan itu.

Dalam nada dan irama yang sama, mereka berikrar akan terus mendokong cita-cita dan wawasan Dr Mahathir, di samping mencurahkan taat setia kepada Abdullah dan barisan kepimpinan yang lain.

Walaupun pentas persidangan dibayangi oleh isu pengunduran Dr Mahathir itu, Hishamuddin turut menyentuh aspek pendidikan dalam melentur generasi masa depan yang gemilang.

Beliau mendesak agar dipertingkatkan usaha memperkasakan Sekolah Kebangsaan bagi menjadikannya wadah memupuk semangat perpaduan dan kecemerlangan bangsa.

"Aliran pendidikan kebangsaan wajib diperkukuhkan, diperlengkap, diperkemas dan dipertingkatkan agar menjadi aliran pendidikan perdana yang menjadi contoh, tumpuan dan pilihan pertama setiap lapisan masyarakat," katanya.

Dalam masa yang sama, beliau juga menegaskan bahawa PAS tidak layak sama sekali untuk bercakap mengenai Islam kerana ia hanyalah sebuah parti bertopengkan agama untuk kepentingan politik.

Rafidah dan Azalina pula hampir senada dalam menyuarakan hasrat pergerakan masing-masing untuk terus memperteguhkan Umno dan Barisan Nasional agar kemenangan cemerlang dapat dicapai pada pilihan raya umum akan datang.

Menurut Rafidah, Wanita Umno bertekad untuk menumpukan seluruh tenaganya ke arah mencapai matlamat itu demi mengekalkan iklim politik dan ekonomi negara terus didorong ke arah kemajuan.

"Kekuatan kerajaan yang disokong teguh oleh rakyat akan membolehkan pemimpin negara menghadapi apa juga cabaran dan ancaman," katanya.

Azalina pula berkata, Pergerakan Puteri bertekad untuk menterjemahkan setiap anggota pergerakan itu kepada satu undi untuk BN pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, jumlah keanggotaan pergerakan itu yang kini seramai 121,842 anak muda serikandi negara menjadi petunjuk kepada sambutan dan penerimaan kumpulan sasaran kepada pergerakan itu.

Beliau menggesa setiap anggota Puteri yang kini berjumlah lebih 120,000 orang supaya berusaha meramaikan lagi "saf-saf" Puteri dan seterusnya mendaftar sebagai pengundi.

Kegagalan untuk mengundi boleh mengakibatkan segala usaha untuk memastikan Umno kekal berkuasa tidak berhasil, ujarnya.

-- BERNAMA  
AM KHY MOZ